

Malaysia mampu bantu damai selatan Filipina

Um - 27/7/2007

Daripada WAN NORAZAH WAN CHIK

MANILA 26 Julai - Setiausaha Luar Filipina, Alberto G. Romulo yakin Malaysia mampu memainkan peranan yang berkesan dalam membantu menjayakan proses damai di selatan negara itu.

Katanya, Malaysia yang turut menganggotai Pasukan Pemerhati Antarabangsa (IMT) di selatan Mindanao telah melaksanakan peranan sebagai fasilitator utama bersama Brunei dan beberapa negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) seperti Libya.

“Manila akan memberi kerjasama penuh kepada negara yang menjadi pengantara damai di selatan termasuk menjawab dan memenuhi permintaan mereka ke arah menjayakan proses keamanan di wilayah itu.

“Seperti yang ditekankan oleh Istana Malacanang, proses damai adalah satu daripada agenda utama negara dan setakat ini, proses ke arah itu sedang berjalan seperti yang diharapkan,” katanya.

Romulo yang juga Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) ke-40 berkata demikian pada sidang media mengenai kemajuan mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi (HLTF) mengenai draf Piagam ASEAN yang berlangsung sejak 23 Julai lalu.

HLTF kini pada peringkat akhir mengumpul kesemua 12 bab draf Piagam ASEAN sebelum diserahkan kepada AMM yang akan bersidang pada 30 Julai hingga 2 Ogos ini.

Katanya, beliau percaya isu hangat di selatan negara itu ketika ini, iaitu pembunuhan 14 anggota Marin selepas pertempuran de-

Manila akan memberi kerjasama penuh kepada negara yang menjadi pengantara damai di selatan termasuk menjawab dan memenuhi permintaan mereka ke arah menjayakan proses keamanan di wilayah itu

ngan anggota Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dua minggu lalu, tidak akan menjejaskan usaha ke arah menjayakan proses damai di sana.

Menyentuh mengenai draf Piagam ASEAN, Romulo berkata, Filipina turut mengusul dan memperjuangkan beberapa isu termasuk mencadangkan pembentukan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bagi blok Asia Tenggara.

Keputusan

Selain itu, isu kedua dan sangat penting ialah mendesak supaya keputusan di dalam ASEAN dilakukan secara undian dan tidak lagi membabitkan konsensus seperti sekarang.

“Kita mahu perkara-perkara penting melibatkan isu serantau dan antarabangsa dilakukan secara undian berbanding konsensus.

“Isu itu bukan sahaja didesak oleh Filipina malah negara-negara lain juga mahu perkara itu dilaksanakan di dalam blok ASEAN.

“Bagaimanapun keputusan akhir bergantung kepada apa yang akan diputuskan oleh para pemimpin ASEAN yang akan bertemu pada Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura

ALBERTO G. ROMULO
Setiausaha
Luar Filipina



ALBERTO G. ROMULO

pada November nanti,” tegasnya lagi.

Menyentuh mengenai isu Myanmar, Romulo berkata, Manila yakin proses demokrasi sedang digerakkan di negara itu.

“Saya sangat optimis mengenai Myanmar,” kata beliau.

— Utusan